



Manuscript Title: Malaysia Ke Arah Negara Tua Menjelang 2030 : Satu Analisis Dari Aspek Perundangan

Authors: Zulazhar Tahir, Jal Zabdi Mohd Yusoff and Siti Zaharah Jamaluddin

Accepted Date: 4-December-2025

Please cite this article as: Zulazhar Tahir, Jal Zabdi Mohd Yusoff and Siti Zaharah Jamaluddin. Malaysia Ke Arah Negara Tua Menjelang 2030 : Satu Analisis Dari Aspek Perundangan. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

**MALAYSIA KE ARAH NEGARA TUA MENJELANG 2030 : SATU
ANALISIS DARI ASPEK PERUNDANGAN**

***MALAYSIA TOWARDS AN AGING NATION BY 2030: AN ANALYSIS
FROM A LEGAL PERSPECTIVE***

Zulazhar Tahir,^{1*}, Jal Zabdi Mohd Yusoff² and Siti Zaharah Jamaluddin³

¹Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Penulis Bebas (mantan Profesor Madya Fakulti Undang-Undang, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur).

*Corresponding author: zulazhar@um.edu.my

ABSTRACT

Malaysia is projected to become an aging nation by 2030, a demographic shift that warrants urgent attention. This projection is based on 15.3 % of its population reaching the age of 60 and above, in accordance with Malaysia's definition of older persons as those aged 60 years and above, rather than 65. Although the issue of Malaysia becoming an aging nation is not new, many may not be aware of the significant implications of this development, especially in terms of the challenges associated with an aging population. However, the most crucial question is whether

© Penerbit Universiti Sains Malaysia. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

Malaysia is prepared to be an aging nation when 15.3 % of the total population will be aged 60 and above. Recent statistics show that the proportion of elderly aged 65 and above increased to 7.3% in 2022 from 7.0% in 2021, highlighting an accelerating aging trend. In this regard, the elderly will face various issues and challenges, such as finance, employment, family conflicts, abuse, and neglect. Addressing these issues requires comprehensive social, economic, and legal strategies. This study primarily focuses on examining the legal frameworks necessary to address the challenges faced by Malaysia's aging population. Employing a doctrinal legal research methodology, the analysis draws on legal texts, scholarly materials, relevant statutes, reported cases, and international treaties. To contextualize Malaysia's legal approach, the study also compares the frameworks adopted by Singapore, Vietnam, and Indonesia. The findings aim to evaluate whether establishing specific statutes can effectively address the challenges faced by older persons in Malaysia, thereby informing policymakers and contributing to the development of a robust legal framework for an aging nation. This is particularly important because Malaysia currently lacks specific legislation addressing the needs of the elderly, which creates a lacuna in the legal framework for dealing with issues concerning older persons.

Keywords: aging nation, elderly, inclusivity and law.

ABSTRAK

Malaysia diunjurkan akan menjadi sebuah negara tua menjelang tahun 2030, iaitu satu perubahan demografi yang memerlukan perhatian segera. Unjuran ini adalah berdasarkan kepada 15.3% daripada jumlah penduduk yang telah mencapai usia 60 tahun ke atas, selari dengan definisi warga emas di Malaysia iaitu individu yang berumur 60 tahun dan ke atas, bukannya 65 tahun. Walaupun isu Malaysia menjadi sebuah negara tua bukan sesuatu yang baharu, namun masih ramai yang mungkin tidak menyedari implikasi besar daripada perkembangan ini, khususnya dari segi cabaran yang berkaitan dengan populasi yang semakin menua. Walau bagaimanapun, soalan yang penting adalah sama ada Malaysia telah bersedia menjadi negara tua apabila 15.3 % penduduk berumur 60 tahun dan ke atas. Statistik terkini menunjukkan bahawa peratusan warga emas yang berumur 65 tahun dan ke atas telah meningkat kepada 7.3% pada tahun 2022 daripada 7.0% pada tahun 2021, yang menunjukkan trend penuaan yang semakin meningkat. Dalam hal ini, warga emas akan menghadapi pelbagai isu dan cabaran, seperti kewangan, pekerjaan, konflik keluarga, penderaan dan pengabaian. Menangani isu-isu ini memerlukan strategi sosial, ekonomi dan undang-undang yang menyeluruh. Kajian ini memberi tumpuan utama kepada mengkaji kerangka undang-undang yang diperlukan bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh populasi warga emas di Malaysia. Menggunakan metodologi penyelidikan undang-undang secara doktrinal, analisis ini berasaskan teks undang-undang, bahan ilmiah, statut berkaitan, kes yang telah dilaporkan serta perjanjian antarabangsa. Bagi memperjelaskan pendekatan undang-undang di Malaysia,

kajian ini turut membandingkan kerangka undang-undang yang diguna pakai di Singapura, Vietnam dan Indonesia. Akhir sekali, dapatan kajian ini bertujuan untuk menilai sama ada penggubalan statut khusus dapat menangani cabaran yang dihadapi oleh warga emas di Malaysia dengan berkesan, sekali gus membantu pembuat dasar dan menyumbang kepada pembangunan kerangka undang-undang yang kukuh bagi sebuah negara yang menuju ke arah populasi menua. Hal ini penting kerana pada masa kini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus bagi menangani keperluan warga emas, yang menyebabkan terdapat kelompangan dalam rangka undang-undang untuk menangani isu-isu yang melibatkan warga emas.

Kata kunci: negara tua, warga emas, inklusiviti dan perundangan.

PENDAHULUAN.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan menjelang tahun 2030, 1 daripada 6 orang di dunia adalah mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas (World Health Organization (t.t.)). Data daripada WHO juga menunjukkan populasi mereka yang berumur 60 tahun ke atas akan terus meningkat daripada 1 bilion orang pada tahun 2020 kepada 1.4 bilion pada tahun 2030. Manakala, menjelang tahun 2050 pula populasi dunia yang berumur 60 tahun ke atas juga akan berganda iaitu sekitar 2.1 bilion (World Health Organization (t.t.)). Penambahan jumlah warga emas ini boleh membawa kepada beberapa isu penting seperti perubahan

dalam struktur sosial, masalah penjagaan, kesihatan, kemiskinan, pekerjaan, dan perumahan (Ismail Z et al. 2021).

Pada amnya, warga emas boleh dibahagikan kepada 3 kategori berdasarkan peratusan iaitu: (1) Masyarakat penuaan jika 7% – 14% penduduknya berusia 65 tahun ke atas, (2) Masyarakat berusia jika 14% – 20% penduduknya berusia 65 tahun ke atas dan, (3) Masyarakat *hyper*-berusia jika 21% atau lebih penduduknya berusia 65 tahun ke atas (Normaz Wana Ismail, et al. 2015). Sekiranya dilihat kepada data warga emas, dianggarkan menjelang tahun 2050, satu daripada empat penduduk di Asia-Pasifik akan berusia lebih dari 60 tahun. Populasi warga emas yang berusia lebih dari 60 tahun di rantau tersebut dikatakan akan meningkat pada kadar tiga kali ganda antara tahun 2010 dan 2050, iaitu dijangka mencapai hampir 1.3 bilion orang (Asian Development Bank (t.t.)). Daripada jumlah ini, populasi mereka yang berumur 80 tahun atau lebih di rantau ini juga menunjukkan peningkatan ketara dan dijangka mencapai 258 juta orang menjelang tahun 2050. Jika keadaan ini berlaku, rantau Asia-Pasifik akan merangkumi 59% daripada populasi dunia yang berusia lebih 80 tahun (ESCAP (t.t.)).

Jabatan Perangkaan Malaysia pula mengunjurkan Malaysia dijangka mencapai status ‘negara tua’ menjelang 2030 apabila 15.3 % daripada jumlah keseluruhan penduduk berusia 60 tahun dan ke atas (Jabatan Perangkaan Malaysia 2023). Ini bermakna populasi warga emas ketika itu akan menjangkau 5.8 juta orang daripada

keseluruhan 38.1 juta jumlah penduduk Malaysia. Laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan peratusan penduduk yang berumur 65 tahun ke atas, meningkat kepada 7.3 % pada tahun 2022 berbanding 7.0 % pada tahun 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2023). Oleh yang demikian, peningkatan populasi warga emas bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan kerana pelbagai isu akan timbul akibat daripada peningkatan umur sama ada dari segi mental, fizikal, sosial mahupun dari sudut ekonomi (Ismail Z et al. 2021). Dari segi ekonomi, peningkatan warga emas yang tidak bekerja akan melembabkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Adalah dianggarkan pertambahan 1% akan menyebabkan pengurangan pertumbuhan sebanyak 6.6% dalam Keluaran Negara Kasar (Siti Nur Ain et al. 2021). Selain daripada itu, pertambahan populasi warga emas juga akan melibatkan isu kesihatan dan kemudahan sedia ada yang juga perlu diberi perhatian (Mafauzy M., 2000).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan undang-undang secara doktrinal sepenuhnya yang mana para penulis menganalisa teks undang-undang serta bahan-bahan ilmiah lain termasuk kes-kes mahkamah yang telah dilaporkan, akta yang berkaitan seperti Kanun Keseksaan dan Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Pendekatan ini sesuai untuk memahami dengan mendalam berkaitan peruntukan, prinsip, tafsiran dan pemakaian undang-undang tersebut dalam konteks masyarakat, sekali gus membantu mengenalpasti kekurangan yang wujud.

Rujukan juga dibuat kepada dokumen antarabangsa seperti triti dan konvensyen. Bagi melihat amalan perundangan terbaik terutamanya kerangka undang-undang berkaitan warga emas, penulis merujuk kepada tiga buah negara iaitu Singapura, Vietnam dan juga Indonesia sebagai perbandingan. Para penulis juga merujuk kepada pelbagai literatur yang berkaitan bagi menyokong perbincangan dan hujah yang dikemukakan. Pendekatan yang digunakan ini penting bagi membolehkan analisis dan huraian yang mendalam dilakukan berkaitan dengan kerangka undang-undang sedia ada dan juga cadangan yang bersesuaian.

Isu Warga Emas Pada Masa Kini

Isu warga emas merangkumi pelbagai aspek kehidupan dan bukan hanya berkaitan penderaan atau pengabaian sahaja. Warga emas masa kini berbeza daripada generasi terdahulu dari segi pendidikan, sosioekonomi dan kesihatan hasil kemajuan negara. Selain itu, isu keselamatan sosial terutamanya isu berkaitan dengan kedudukan kewangan yang tidak stabil untuk perbelanjaan di hari tua juga merupakan isu yang sentiasa diperbincangkan. Ini kerana mereka yang bekerja dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta sahaja mempunyai simpanan melalui skim pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan mereka yang bekerja dalam industri tidak formal mungkin tidak berada dalam kedudukan yang sama. Untuk kumpulan ini, mereka perlu membuat simpanan wang hari tua secara sukarela. Apabila wabak Covid-19 melanda, pekerja yang bekerja dalam

perkhidmatan swasta dan yang bekerja secara tidak formal, menerima kesan yang hebat berbanding dengan mereka yang bekerja dalam perkhidmatan kerajaan. Akibat daripada langkah berjaga-jaga yang diambil, ramai pekerja swasta kehilangan pekerjaan mereka. Bagi menangani isu kewangan ini, kerajaan telah membenarkan mereka mengeluarkan wang daripada KWSP sebanyak 4 kali menerusi *i-Sinar*, *i-Lestari*, *i-Citra* dan pengeluaran khas (Megat Ahmad Zhafri et al. 2024). Jika seorang pencarum KWSP mengeluarkan wangnya di bawah 4 pengeluaran itu, maka dia telah mengeluarkan sebanyak RM 31,000.00 yang menyebabkan dia kehilangan 77% simpanan KWSPnya (Ooi Kok Hin & Kharil Ahmad 2022, Julai 21). Seorang pencarum perlu penyimpanan 6 tahun untuk mendapat kembali jumlah simpanan yang ada pada tahun 2019 sekiranya dibayar upah sebanyak RM2,062.00 sebulan atau 8 tahun untuk mereka yang berpendapatan RM1,500.00 sebulan (Ooi Kok Hin & Kharil Ahmad 2022, Julai 21). Maka tidak hairan ramai pencarum KWSP bakal menghadapi isu ketidakcukupan wang untuk menyara hidup apabila mencapai umur bersara kelak. Sebagai contoh, dilaporkan secara keseluruhan hanya 18% sahaja daripada 15.8 juta ahli KWSP mencapai sasaran simpanan asas mengikut umur sebanyak RM240,000 (Kosmo 2023, Julai 5). Menurut Kementerian Kewangan, seramai 6.3 juta ahli berumur bawah 55 tahun atau 48% mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000 dalam akaun mereka setakat 30 September 2023 (Astro Awani 2024, Oktober 11). Oleh itu, usaha perlu digerakkan untuk memupuk kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kepentingan simpanan di hari tua ini. Program

pendidikan kewangan yang lebih intensif perlu diperkenalkan, terutama di peringkat sekolah dan universiti, untuk meningkatkan pengetahuan kewangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan muda. Program ini harus merangkumi pengurusan kewangan asas, kepentingan simpanan, pelaburan, dan juga perancangan persaraan (Teh Lian Tai et al. 2018). Selain itu, memperkenalkan pelbagai insentif cukai pendapatan untuk simpanan persaraan juga dapat membantu individu mengumpul lebih banyak simpanan untuk persaraan mereka. Ianya boleh dilakukan dengan memberikan insentif cukai bagi menggalakkan individu untuk menyimpan lebih banyak sepanjang mereka bekerja, dan mengubah struktur portfolio simpanan dengan meningkatkan peratusan simpanan ‘jangka panjang’, seperti sumbangan kepada pelan pencen atau KWSP yang lebih sukar untuk dicairkan (Juan Ayuso et al. 2008). Dengan itu ianya akan mengurangkan kemungkinan simpanan tersebut digunakan sebelum persaraan.

JADUAL 1
SIMPANAN AHLI KWSP MENGIKUT PERINGKAT
SIMPANAN (SEHINGGA 31 DIS 2023)

Kumpulan Tahap Simpanan	Jumlah Ahli (Juta)	Simpanan (RM Bilion)	Purata Simpanan (RM)	Median Simpanan (RM)
B40	6.43	11.01	1,713	1,063
M40	6.43	180.23	28,032	20,660
T20	3.21	896.70	278,941	170,266
Jumlah	16.07	1,087.94	67,686	10,898

Sumber: Laman web Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah simpanan rakyat Malaysia dalam skim KWSP. Berdasarkan kepada statistik di atas, simpanan Kumpulan B40 berada di tahap yang rendah. Hal ini memerlukan perhatian kerana dalam banyak keadaan wang KWSP ini akan digunakan bagi menyara hidup selepas mereka bersara kelak. Data terkini yang dikeluarkan oleh KWSP menunjukkan bahawa sehingga Disember, 2024 jumlah median simpanan mengikut umur adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2
SIMPANAN AHLI KWSP MENGIKUT KUMPULAN UMUR
(SEHINGGA 31 DIS 2024)

Lingkungan Umur	Jumlah Ahli (Juta)	Simpanan (RM Bilion)	Purata Simpanan (RM)	Median Simpanan (RM)
Bawah 25	1.88	12.39	6,576	3,695
25 – 29	2.24	41.81	18,653	12,532
30 – 34	2.18	82.00	37,563	18,217
35 – 39	2.03	130.42	64,157	26,436
40 – 44	1.84	173.23	94,060	33,248
45 – 49	1.63	211.68	131,246	46,880

50 – 54	1.43	221.28	154,227	48,311
55 – 59	1.15	135.87	117,993	11,919
60 – 64	0.70	89.78	128,686	9,108
65 dan ke atas	1.14	96.87	84,728	2,700
Jumlah	16.22	1,195.33	73,680	13,463

Sumber: Laman web Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Berdasarkan kepada Jadual 2, median simpanan golongan warga emas adalah rendah terutamanya mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas iaitu hanya sekitar RM 2700 hingga RM 9108 sahaja. Data yang ada jelas menunjukkan wujudnya jurang dalam sistem keselamatan sosial Malaysia yang perlu ditangani segera bagi mengelakkan warga emas yang bersara pada tahun 2030 daripada hidup di bawah paras kemiskinan.

Selain daripada aspek kewangan, isu berkenaan warga emas yang tinggal berseorangan juga perlu diberi perhatian. Keadaan ini berpunca daripada beberapa faktor seperti kehilangan pasangan hidup sama ada akibat perceraian atau kematian, tidak berkahwin, anak-anak tinggal berasingan atau bekerja jauh daripada tempat tinggal ibu bapa warga emas dan ibu bapa enggan tinggal bersama anak-anak (Harlina Mohd Noor 2018, April 1). Ada juga warga emas yang lebih

rela tinggal di rumah sendiri atas alasan tidak mahu menyusahkan anak-anak mereka (Suraiyah Harun 2017, Januari 31). Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2018 menganggarkan 7.4% warga emas tinggal bersendirian. Peratusan ini dijangka meningkat di masa hadapan akibat daripada perkembangan teknologi perubatan, saiz keluarga yang kecil, migrasi dan kadar kelahiran yang rendah (Lai dan Junaid 2023). Peningkatan warga emas yang tinggal bersendirian akan menimbulkan isu dari aspek keselamatan diri dan penjagaan kesihatan kerana pada kebiasaannya proses penuaan akan membawa kepada kemerosotan fizikal dan mental (Berita Harian Online 2023, September 3). Menjalani kehidupan bersendirian ini, terutamanya kerana tiada saudara mara atau pasangan hidup boleh menyebabkan mereka mengalami kesunyian (Mazura Mokhtar, Saharani Abdul Rashid & Yusharina Yusof 2012). Hidup kesunyian ini boleh membawa kepada implikasi yang lebih serius dan dianggap sebagai salah satu faktor yang menyebabkan masalah-masalah seperti kemurungan, bunuh diri dan masalah perubatan yang serius seperti sakit jantung (Nurfatirahanis Zakri dan Khadijah Alavi 2023).

Warga emas juga sering dikaitkan dengan isu penderaan, penganiayaan, pengabaian fizikal, serta eksploitasi kewangan dan emosi, sama ada oleh ahli keluarga atau pihak ketiga. Namun, kes-kes ini jarang dilaporkan kerana sifatnya yang kompleks dan melibatkan individu terdekat yang dipercayai oleh warga emas. Berdasarkan kajian oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

(Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit 2025, Feb 18) majoriti mangsa memilih untuk berdiam diri disebabkan tidak mahu melibatkan ahli keluarga dalam isu yang dihadapi (57 %). Ada juga sebahagian mangsa yang mengambil sikap membisu kerana sukar menerima realiti bahawa penderaan atau pengabaian dilakukan oleh individu yang mempunyai hubungan rapat dengan mereka (25 %). Terdapat juga mangsa yang tidak mengetahui saluran atau kaedah untuk mendapatkan bantuan (16 %), manakala sebilangan kecil pula enggan melaporkan insiden kerana stigma sosial yang wujud dalam masyarakat (2 %).

Faktor budaya juga turut memainkan peranan yang signifikan dalam mengekang pelaporan kes penderaan dan pengabaian warga emas. Melalui satu kajian yang disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan diterbitkan dalam *Lancet Global Health*, kira-kira 16% warga emas berusia lebih 60 tahun mengalami penderaan psikologi sebanyak 11.6%, penderaan kewangan (6.8%), pengabaian (4.2%), penderaan fizikal (2.6%) dan penderaan seksual (0.9%) (Zaitie Katibi 2017, Julai 12). Satu kajian yang dijalankan ketika pandemik Covid-19 pula menunjukkan peningkatan sebanyak 20% kes penderaan ibu bapa oleh anak-anak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Siti Aisyah Samudin et al. 2023). Antara faktor utama yang menyumbang kepada kejadian penderaan adalah masalah kewangan dan dadah (Aisyah Samudin et al. 2023; Mohammad Abu Taher et al. 2019). Justeru, pemerksaan warga emas perlu dipertingkatkan bagi memastikan mereka cakna mengenai isu ini serta mengetahui cara untuk

menanganinya, termasuk melaporkan kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan keadilan.

Masalah kesihatan di kalangan warga emas dijangka akan meningkat dan terdapat sebilangan mereka yang terdampar di hospital kerajaan kerana tidak ada waris yang sanggup menjaga mereka, menjadikan mereka antara golongan yang terabai (Suraiyah Harun 2017, Januari 31). Walaupun tuntutan agama dan moral meletakkan tanggungjawab kepada keluarga terutamanya anak-anak untuk menjaga ibu bapa warga emas, namun ketiadaan peruntukan undang-undang yang mewajibkan sedemikian menyebabkan perbuatan meninggalkan warga emas di hospital kerajaan tidak dapat dibendung. Ini akan memberikan tekanan kepada pihak hospital untuk menanggung kos penjagaan dan meningkatnya bil rawatan (Suraiyah Harun 2017, Januari 31). Pihak berkepentingan perlu membangunkan penyelesaian jangka panjang untuk memastikan kebajikan warga emas terus terpelihara. Usaha ini termasuk pelaksanaan inisiatif kerajaan, penambahbaikan kemudahan sedia ada, penglibatan aktif masyarakat dalam program komuniti, serta sokongan berterusan daripada keluarga untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas (Zakaria, Z et al., 2025). Kerajaan juga boleh bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk menyediakan dana dan sumber daya bagi penjagaan warga emas yang terabai. Pihak NGO pula boleh membantu dengan sokongan sosial, manakala sektor swasta boleh membantu dengan pembiayaan dan kemudahan. Malah penglibatan komuniti dalam penjagaan warga

emas ini juga dapat membantu dalam mengurangkan kebergantungan kepada fasiliti kerajaan sedia ada (Yi Y, et al. 2023).

KERANGKA PERUNDANGAN ANTARABANGSA

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menganjurkan Mesyuarat Agung Pertama Mengenai Penuaan pada tahun 1982. Sebanyak enam puluh dua cadangan telah dikemukakan dan ia termasuk yang berkaitan dengan kesihatan dan pemakanan, perlindungan pengguna warga emas, perumahan dan alam sekitar, keluarga, kebajikan sosial, keselamatan pendapatan dan pekerjaan, pendidikan, serta pengumpulan dan analisis data penyelidikan. Pada tahun 1991, PBB mengiktiraf *United Nations Principles for Older Persons* yang menggariskan 18 hak warga emas yang berkaitan dengan kebebasan diri, penyertaan, penjagaan, pencapaian diri, dan maruah (United Nations. (t.t.)).

Pada tahun 2002 pula, PBB telah menerima pakai *The Madrid International Plan of Action on Ageing and the Political Declaration* (MIPAA) (United Nations (t.t.)). Ia memberi tumpuan kepada 3 bidang utama iaitu warga emas dan pembangunan, memajukan kesihatan dan kesejahteraan pada usia tua dan juga memastikan persekitaran yang kondusif dan memberi sokongan kepada warga emas. Pemakaian MIPAA ini telah menjadikannya sebagai sumber untuk pembuatan dasar, mencadangkan cadangan kepada kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, dan

pihak-pihak lain untuk menyesuaikan semula cara di mana masyarakat boleh memahami, berinteraksi, dan menjaga warga emas (United Nations (t.t.)). Secara amnya, PBB telah mengeluarkan 6 pelan tindakan dalam menangani isu-isu berkenaan dengan warga emas ini di peringkat antarabangsa iaitu *Vienna International Plan for Aging (1982)*, *the UN Principles for Older Persons*, *the International Day for Elder Persons*, *the UN Proclamation on Ageing 1992*, *the International Year of Older Persons 1999* dan juga *Madrid International Plan on Ageing 2002*. PBB menggunakan umur 60 tahun ke atas sebagai definisi warga emas. Manakala di kebanyakan negara maju, warga emas didefinisikan sebagai mereka yang berumur 65 tahun ke atas. Malaysia pula menerima pakai definisi yang digariskan oleh *World Assembly on Ageing 1982* di Vienna yang mana warga emas ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas.

Malaysia telah meratifikasi beberapa konvensyen antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* yang memfokuskan kepada memperjuangkan mengenai hak wanita termasuklah perlindungan dari diskriminasi dan keganasan, *Convention on the Rights of the Child* memfokuskan kepada hak dan kesejahteraan kanak-kanak termasuk hak untuk dilindungi daripada keganasan dan hak untuk penyertaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan mereka dan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* memfokuskan kepada melindungi hak dan maruah orang kurang upaya

serta memastikan penyertaan dan penglibatan penuh mereka dalam masyarakat. *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)* juga terpakai kepada warga emas yang mengalami ketidakupayaan. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohd Ezam bin Mohd Noor v Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 MLJ 229 menyatakan konvensyen antarabangsa ini hanya menjadi panduan tanpa mempunyai kuat kuasa undang-undang sekiranya ia tidak diratifikasikan. Kes ini menunjukkan bahawa selagi dokumen-dokumen antarabangsa ini tidak diratifikasi oleh pihak kerajaan, ia hanya berfungsi sebagai panduan dan rujukan sahaja, dan tidak mengikat atau mempunyai kuasa undang-undang. Sesuatu perjanjian yang telah diratifikasi itu pula hanya akan menjadi undang-undang di Malaysia jika ianya telah dimasukkan dalam mana-mana statut yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan (*TR Sandah AK Tabau & 7 Ors v Director of Forest, Sarawak & Anor and another appeals* [2019] MLJU 850 dan *Prestij Mega Construction Sdn Bhd v Personal Representative of Estate of Vinayak Pradhan Prabhakar (deceased) & Ors and other cases* [2021] 11 MLJ 581). Meskipun kebanyakan resolusi PBB mengenai warga emas bukan instrumen yang mengikat, namun banyak negara telah mengadaptasi resolusi-resolusi ini dalam menangani isu berkaitan warga emas. Terutamanya di negara-negara jiran Malaysia seperti Vietnam, Indonesia, dan Singapura yang telah pun mempunyai undang-undang khusus untuk golongan ini (Zulazhar Tahir et al., 2020). Malaysia juga perlu melangkah ke hadapan dengan merangka akta khusus bagi melindungi

kebajikan warga emas seperti mana statut khas yang telah diwujudkan sebelum ini untuk kanak-kanak dan juga orang kurang upaya.

KERANGKA PERUNDANGAN SEDIA ADA DI MALAYSIA

Malaysia masih belum mempunyai undang-undang khusus bagi warga emas, berbeza dengan negara jiran seperti Vietnam, Indonesia dan juga Singapura yang telah menggubal statut khas berkaitan dengan warga emas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa polisi yang telah digunakan pakai oleh pihak kerajaan untuk mendepani isu yang melibatkan warga emas di Malaysia. Bagi memastikan kesejahteraan warga emas, Dasar Warga Tua Kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 1995 dan telah disemak pada tahun 2011 dan dikenali sebagai Dasar Warga Emas Negara (DWEN). DWEN bertujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat warga emas yang bermaruah dengan memaksimumkan potensi serta menyediakan pelbagai peluang dan perlindungan bagi membolehkan mereka terus menyumbang kepada masyarakat dan juga negara. Lanjutan dari dasar ini, pelbagai pelan tindakan dan strategi telah diwujudkan termasuk memperkenalkan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara. Menyedari hakikat ini, Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah digubal. DWEN dan PTWEN ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari dan dihormati melalui penuaan yang positif (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (t.t.)).

Satu lagi dasar penting telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan iaitu Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008 (DKWEN 2008). DKWEN 2008 telah memperkenalkan 6 prinsip utama yang menjadi asas kepada pelaksanaannya iaitu, mengekalkan autonomi dan keupayaan berdikari, menyedari keperluan tertentu warga emas, membantu penjaga, mempromosi penuaan sihat, memberi penjagaan yang berterusan dan hak warga emas untuk kehidupan yang berkualiti. Antara strategi-strategi yang telah dirangka melalui DKWEN 2008 ini adalah seperti mempromosikan kesihatan, menyediakan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, pembangunan sumber manusia, membangunkan satu sistem rangkaian maklumat, menggalakkan penyelidikan kesihatan dan isu-isu warga emas, mengukuhkan jalinan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta dan juga melalui peruntukan undang-undang baru bagi mendepani isu yang melibatkan warga emas.

Sebagai contoh, untuk menangani isu yang melibatkan penderaan ini terdapat beberapa Akta yang terpakai iaitu Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521)(Jal Zabdi 2009 & Nur Faizira Abdul Rahman et al. 2019). Kedua-dua Akta ini saling melengkapi antara satu sama lain dalam konteks keganasan rumahtangga yang melibatkan ahli keluarga. Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan sama ada dilakukan di dalam atau di luar Malaysia (seksyen 2, 3 dan 4 Kanun Keseksaan), manakala Akta 521 memfokuskan kepada penyediaan remedi dan perlindungan berkaitan isu

penderaan dalam keluarga. Akta-akta ini menyediakan perlindungan kepada pelbagai kumpulan, namun remedi yang ditawarkan mungkin tidak sesuai untuk warga emas. Hal ini kerana mereka perlu membuat laporan polis dan ramai yang enggan berbuat demikian apabila pelaku adalah terdiri daripada kalangan ahli keluarga sendiri. Hukuman yang bersifat punitif juga boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan, menjadikan warga emas ragu-ragu untuk menuntut hak di bawah akta tersebut (Siti Zaharah et al. 2023). Justeru, sudah sampai masanya bagi Malaysia untuk mewujudkan satu undang-undang khusus untuk warga emas bagi mendepani isu-isu golongan ini secara lebih efisien dan holistik (Siti Zaharah et al. 2019).

Isu berkaitan penjagaan warga emas juga perlu diberi perhatian serius kerana penjagaan ini juga turut berkait rapat dengan isu-isu lain seperti penderaan dan pengabaian (Mohammad Abu Taher et al. 2017). Siapakah yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menjaga warga emas ini? Penentuan siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga warga emas ini banyak dipengaruhi oleh persepsi berkaitan tanggungjawab ini sama ada sebagai sesuatu yang mulia dan dipandang tinggi (Zuzana Aman et al. 2020). Pada masa ini tiada peruntukan sama ada di bawah *common law* ataupun undang-undang bertulis yang menetapkan tanggungjawab anak-anak untuk menjaga ibu bapa mereka di Malaysia. Penjagaan ibu bapa dilakukan mengikut budi bicara anak-anak berdasarkan nilai-nilai agama

serta budaya dan tidak terdapat tanggungjawab yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk berbuat sedemikian. Dalam konteks ini, tanggungjawab dari segi undang-undang untuk mewajibkan anak-anak menjaga ibu bapa warga emas mereka boleh diperkenalkan ke dalam undang-undang keluarga di Malaysia berdasarkan beberapa teori seperti hormat dan kesyukuran (honour and gratitude); terhutang budi dan membalas budi (indebtedness and reciprocity); pengurangan perbelanjaan awam (public cost containment); penekanan kepada idea keluarga sebagai penjaga (romanticised notions of family caregiving) dan undang-undang tanggungjawab anak kepada ibu bapa (filial responsibility law) (Reveena Morgan, 2022).

Warga emas yang memilih untuk tinggal di institusi yang menyediakan perkhidmatan tempat tinggal atau kombinasi perkhidmatan tempat tinggal dan rawatan, maka Akta Pusat Jagaan (Akta 506), Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 (Akta 802) terpakai bagi memastikan kebajikan dan keselamatan warga emas itu dilindungi. Walau bagaimanapun, Akta 802 masih belum berkuat kuasa, sedangkan Akta 506 dan Akta 586 merupakan Akta-akta umum yang terpakai kepada semua organisasi yang menawarkan perkhidmatan tersebut. Sementara itu, bagi kumpulan gelandangan, usaha untuk membantu mereka boleh dibuat di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183) dengan fokus untuk menyediakan tempat tinggal dan memberikan perlindungan.

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) pula terpakai kepada warga emas yang pada masa yang sama adalah orang kurang upaya. Akta ini memfokuskan kepada hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, maklumat, komunikasi dan teknologi, kehidupan berbudaya serta hak untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan (Zulazhar Tahir et al. 2020). Akta ini mengiktiraf hak asasi mereka yang kurang upaya, mengubah mereka daripada kumpulan yang memerlukan bantuan kepada kumpulan yang berhak untuk mendapat layanan sama rata seperti orang lain.

Sementara itu, isu nafkah warga emas juga perlu diberikan perhatian. Pada masa kini, hanya warga emas yang beragama Islam sahaja boleh membawa tuntutan di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan nafkah daripada anak-anak mereka (Seksyen 60 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 1983). Dalam kes *Khalil bin Ahmad v. Kamal bin Khalil (2004) CLJ (Sy) 10*, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan telah memerintahkan defendan membayar nafkah sebanyak RM200 sebulan kepada plaintif, iaitu bapanya, serta RM2,000 bagi kos perubatan ibu tirinya. Kes ini melibatkan tuntutan nafkah oleh plaintif selepas 10 tahun tidak menerima nafkah daripada anaknya. Mahkamah menegaskan bahawa anak wajib memberi nafkah kepada ibu bapa jika mempunyai lebih pendapatan, tanpa mengira kemampuan ibu bapa tersebut.

Namun begitu, peruntukan mengenai nafkah bergantung kepada enakmen yang digubal di peringkat negeri memandangkan hal ehwal Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri seperti yang diperuntukkan oleh Jadual Sembilan, Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini tidak terhad hanya kepada ibu bapa sahaja tetapi lebih bersifat umum iaitu dengan membenarkan mahkamah untuk memerintahkan pemberian nafkah kepada kaum kerabat secara umum (Sebagai contoh, seksyen 61 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003).

KEDUDUKAN DI NEGARA-NEGARA LAIN

Kebanyakan negara di dunia termasuk di Asia turut membuat persediaan dalam menghadapi peningkatan warga emas di negara masing-masing. Negara-negara di Asia Tenggara seperti di Singapura, Vietnam dan Indonesia mempunyai undang-undang khusus untuk warga emas. Kewujudan undang-undang khusus ini memudahkan usaha menangani isu yang melibatkan warga emas kerana kerangka perundangan yang jelas dapat membantu agensi berkaitan melaksanakan tindakan serta pelan dengan lebih teratur dan berkesan.

Singapura

Singapura mempunyai dua Akta berkenaan dengan warga emas di negara tersebut iaitu *Maintenance of Parents Act 1995* dan *Vulnerable Adults Act 2018*. Fokus *Maintenance of Parents Act 1995* adalah memberikan tanggungjawab ke atas anak-

anak yang dewasa untuk menyokong sumber kewangan ibu bapa mereka. Akta ini membolehkan ibu bapa yang berusia 60 tahun dan ke atas, yang tidak mampu untuk menyara kehidupan mereka sendiri atas sebab usia atau atas kelemahan diri, boleh membuat permohonan kepada Tribunal untuk mendapatkan nafkah daripada anak-anak (seksyen 3 *Maintenance of Parents Act 1995*). Akta ini juga menetapkan bahawa pihak yang ingin membuat tuntutan harus mereka yang berdomisil atau bermastautin di Singapura.

Vulnerable Adults Act 2018 pula memfokuskan kepada melindungi warga emas daripada penderaan atau pengabaian. Di bawah seksyen 2(1) *Vulnerable Adults Act 2018*, “Vulnerable Adult” (“VA”) telah didefinisikan sebagai “*an individual who (a) is 18 years of age or older; and (b) is, by reason of mental or physical infirmity, disability or incapacity, incapable of protecting himself or herself from abuse, neglect, or self-neglect*”. Akta ini hanya melindungi perbuatan penderaan secara fizikal dan emosi dan bukan dari segi kewangan (seksyen 2 *Vulnerable Adults Act 2018*; *Yng Yng Karen v Goh Yong Chiang Kelvin* [2021] 3 SLR 896). Selain itu, bagi membantu warga emas yang telah bersara tetapi masih berkeupayaan untuk meneruskan pekerjaan, Singapura juga telah memperkenalkan akta yang dikenali sebagai *Retirement and Re-Employment Act 1993*. Di bawah Akta ini, majikan perlu menawarkan semula pekerjaan kepada pekerja yang layak yang telah berusia 63 tahun sehingga berusia 68 tahun. Berdasarkan seksyen 4(1) *Retirement and Re-Employment Act 1993*, umur persaraan adalah dari 62 hingga 65 tahun. Dalam hal

ini, kerajaan Singapura telah menaikkan usia untuk bekerja ini kepada 68 tahun pada Julai 2022 untuk membantu pekerja warga emas yang ingin terus bekerja (Bernama 2024, Mac 4). Perkara ini juga ada disebut di bawah seksyen 7 *Retirement and Re-Employment Act 1993*, yang mana Menteri boleh menetapkan umur bekerja semula semula antara 67 hingga 70 tahun bagi mana-mana kategori pekerja. Majikan yang melanggar ketetapan ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didakwa dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi 5,000 SGD atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali (seksyen 4(3) *Retirement and Re-Employment Act 1993*). Akta ini secara tidak langsung telah memberikan hak dari segi undang-undang kepada mereka yang telah mencapai umur persaraan untuk terus bekerja selagi masih berkemampuan. Pendekatan ini telah mewujudkan satu jaringan keselamatan sosial bagi warga emas dalam pengurusan kewangan mereka, walaupun telah melepasi usia persaraan. Meskipun tiada akta yang secara khusus kepada warga emas di Singapura, kewujudan ketiga-tiga akta yang disebutkan di atas dapat membantu dalam pengurusan isu-isu melibatkan golongan tersebut dalam memastikan kebajikan mereka terus terpelihara.

Vietnam

Vietnam telah mewujudkan satu Akta khusus untuk warga emas iaitu *Law on Elderly 2009* dan dua Akta lain yang secara tidak langsung mengandungi peruntukan yang berkaitan dengan warga emas, iaitu *Marriage and Family Law*

2000 dan juga *Law on Domestic Violence Prevention and Control 2022*. *Marriage and Family Law 2000* yang memfokuskan kepada hal berkaitan perkahwinan dan keluarga. Akta ini memperuntukkan penyelesaian kepada isu seperti perkahwinan dan perceraian, hubungan keluarga, pengangkatan anak, penjagaan antara ahli keluarga, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak serta tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapa mereka. Akta ini juga memperuntukkan tanggungjawab kepada anak-anak untuk menjaga dan menyara ibu bapa mereka (Artikel 36 *Marriage and Family Law 2000*). Anak-anak yang telah dewasa juga dilarang menganiaya, membiarkan dan menghina ibu bapa mereka. Manakala *Law on Domestic Violence Prevention and Control 2022*, bertujuan untuk meningkatkan peraturan mengenai pencegahan dan kawalan keganasan rumah tangga. Akta ini antara lain memperuntukkan pencegahan, penghentian (*stoppage*), perlindungan, sokongan, dan pengendalian pelanggaran yang berkaitan dengan pencegahan dan kawalan keganasan rumah tangga. Di samping itu, ia juga memperuntukkan mengenai pengurusan oleh pihak kerajaan serta tanggungjawab agensi, organisasi, keluarga, serta individu dalam pencegahan dan kawalan keganasan rumah tangga (Artikel 1 *Law on Domestic Violence Prevention and Control 2022*). Keganasan rumah tangga ini merangkumi perbuatan mengabaikan, meninggalkan, atau gagal memberikan penjagaan kepada ahli keluarga termasuk warga emas (Artikel 3 *Law on Domestic Violence Prevention and Control 2022*).

Law on Elderly 2009 telah berkuatkuasa pada 1 Julai, 2010. Ia mempunyai peruntukkan mengenai hak dan kewajipan warga emas; tanggungjawab keluarga, negara, dan masyarakat dalam menjaga, memberikan perhatian kepada, dan mengaktifkan peranan warga emas serta Persatuan Warga Emas di Vietnam (Artikel 1 *Law on Elderly 2009*). Sebagaimana di Malaysia, warga emas di Vietnam juga didefinisikan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas (Artikel 2 *Law on Elderly 2009*). Akta ini memperuntukkan pelbagai hak kepada warga emas seperti hak untuk kesihatan, pekerjaan, kemudahan dan hak untuk bersama keluarga serta terlibat dalam aktiviti sosial (Artikel 3 *Law on Elderly 2009*). Akta ini juga mewujudkan obligasi kepada pihak-pihak tertentu untuk menjaga warga emas ini termasuk anak atau cucu warga emas tersebut (Artikel 10 *Law on Elderly 2009*). Artikel 10 *Law on Elderly 2009* antara lain memperuntukkan mengenai mereka yang mempunyai tanggungjawab menjaga warga emas termasuklah keperluan material atau spiritual. Mereka yang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga warga emas ini perlu mengaturkan penginapan yang bersesuaian kepada warga emas, menguruskan hal yang berkaitan dengan kesihatan sehinggalah kepada kematian warga emas berkenaan. Pada masa yang sama, mereka yang mempunyai tanggungjawab dan hak untuk menjaga warga emas ini juga perlu bekerjasama sesama mereka dalam melaksanakan tugas berkenaan.

Agensi kerajaan juga berperanan memberikan bantuan dan bertanggungjawab dalam memastikan kebajikan warga emas ini terjaga (Artikel 28 *Law on Elderly*

2009). Walaupun kewujudan undang-undang khusus merupakan langkah yang positif, kegagalan untuk mematuhi peruntukannya tidak membawa sebarang hukuman kerana akta ini tidak memperuntukkan sebarang kesalahan berbentuk punitif.

Indonesia

Indonesia telah menggubal beberapa undang-undang yang berkaitan dengan warga emas seperti *The Social Welfare Law of 1974 (Law No.6/1974)* dan *The Old Age Welfare Law of 1998 (Law No.13/1998)*. Berdasarkan *The Social Welfare Law of 1974 (Law No.6/1974)*, setiap warganegara mempunyai hak kepada kesejahteraan sosial dan akses untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti kesejahteraan sosial. Ia juga menetapkan bahawa kerajaan Indonesia mempunyai hak untuk mencipta dan mengoperasikan program seperti bantuan sosial, sistem jaminan sosial, aktiviti bimbingan, dan rehabilitasi sosial untuk golongan kurang bernasib baik serta aktiviti pendidikan dan pembangunan sosial. Manakala *The Old Age Welfare Law of 1998 (Law No.13/1998)* pula merupakan undang-undang yang memberikan hak-hak asasi tertentu kepada warga emas di Indonesia. Antaranya adalah hak kepada pelbagai perkhidmatan awam, termasuk: 1) perkhidmatan agama/rohani (Pasal 5 *The Old Age Welfare Law of 1998*); 2) perkhidmatan penjagaan kesihatan (Pasal 5 *The Old Age Welfare Law of 1998*); 3) perkhidmatan pekerjaan (Pasal 5 *The Old Age Welfare Law of 1998*); 4) perkhidmatan pendidikan dan latihan (Pasal 5 *The Old Age Welfare Law of 1998*); 5) keistimewaan khas

semasa menggunakan utiliti awam dan perkhidmatan undang-undang (Pasal 5 *The Old Age Welfare Law of 1998*); dan 6) akses kepada skim perlindungan sosial (untuk warga emas "yang kurang upaya") dan bantuan sosial (untuk warga emas "yang berupaya") (Pasal 5 *The Old Age Welfare Law of 1998*). Selain itu, undang-undang ini juga menetapkan tanggungjawab untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas hendaklah dikongsi oleh kerajaan, masyarakat, dan keluarga warga emas itu sendiri (Pasal 8 *The Old Age Welfare Law of 1998*). Akhirnya, ahli masyarakat diberi tanggungjawab bersama untuk terlibat dalam aktiviti untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas (Pasal 22 dan Pasal 23 *The Old Age Welfare Law of 1998*).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa Singapura menekankan tanggungjawab warga emas dan keluarga dalam penjagaan, dengan sokongan minimum daripada kerajaan menerusi pelbagai akta seperti umur persaraan yang dilanjutkan, inisiatif pekerjaan semula, dan bayaran nafkah oleh anak-anak. Di Indonesia, undang-undang memfokuskan kepada pemerksaan warga emas serta keluarga, kerana keluarga dan komuniti dianggap penting dalam penjagaan. Vietnam pula menumpukan peranan keluarga dan komuniti serta memberi perhatian kepada kesihatan bagi menggalakkan penuaan secara aktif dan sihat.

PERBINCANGAN

Undang-Undang Sedia Ada Yang Berkaitan Warga Emas

Walaupun tiada undang-undang khusus yang digubal bagi melindungi warga emas pada masa ini, namun terdapat beberapa akta sedia ada yang turut menyentuh isu-isu berkaitan seperti penderaan, nafkah, dan penjagaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tindakan yang menyeluruh sukar dicapai tanpa adanya kerangka perundangan yang jelas. Seiring dengan peningkatan jumlah warga emas serta kedudukan Malaysia sebagai negara tua menjelang tahun 2030, penggubalan satu akta khusus amat penting bagi memastikan pengurusan isu berkaitan warga emas dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik.

CADANGAN

i) Undang-Undang Khusus Bagi Warga Emas

Dalam konteks ini, Malaysia perlu memilih apakah pendekatan yang diambil jika ingin mewujudkan satu akta yang khusus untuk warga emas. Berdasarkan Perkara 5(1) dan 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan hak untuk hidup dan hak kesamarataan, warga emas juga berhak untuk menikmati perlindungan yang sama seperti mana orang lain. Perlembagaan Persekutuan memberikan hak yang luas, maka suatu akta khusus untuk warga emas akan dapat memperincikan lagi hak dan keperluan khas mereka, yang mungkin berbeza daripada golongan lain. Akta yang khusus akan mengubah persepsi masyarakat terhadap warga emas daripada mereka yang sentiasa memerlukan bantuan kepada mereka yang mempunyai hak di sisi undang-undang seperti yang diberikan kepada kanak-kanak

melalui Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan orang kurang upaya melalui Akta 685. Walaupun tidak terdapat satu statistik kebangsaan yang komprehensif untuk menyokong impak langsung Akta 611 ke atas kanak-kanak di Malaysia, terdapat pelbagai penunjuk seperti pengurangan kadar kematian bayi, peningkatan kemasukan pelajar ke sekolah rendah, penubuhan mekanisme perlindungan kanak-kanak yang mengisyaratkan bahawa hak dan kebajikan kanak-kanak menjadi tumpuan utama (UNICEF 2013). Sementara untuk orang kurang upaya pula, pengenalan Akta 685 telah meningkatkan jumlah pendaftaran orang kurang upaya di Malaysia, meluaskan akses kumpulan ini kepada kemudahan awam, kemudahan kesihatan, aktiviti riadah dan penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya untuk menyelia pelaksanaan Akta ini serta mempromosi peluang pekerjaan untuk kumpulan ini (Nadzratun Naim et al. 2021).

Oleh itu, dengan adanya akta khusus ini, ianya boleh menyediakan peruntukan untuk memperkasa warga emas dalam mentadbir, menguruskan dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal dirinya termasuklah rawatan kesihatan dan hak pengurusan harta. Pada masa yang sama, ia dapat membantu pihak berkuasa menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan. Ini kerana undang-undang ini akan menjelaskan mengenai definisi, kuasa serta tugas pihak-pihak tertentu. Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai statut yang spesifik seperti Akta 611 dan Akta 685. Undang-undang yang spesifik ini juga akan mempunyai prosedur dan remedi yang khas untuk kumpulan sasar mereka. Sekiranya peruntukan termasuk dalam

undang-undang am, diujahkan bahawa prosedur dan remedi yang disediakan mungkin kurang sesuai untuk sesetengah kumpulan (Jal Zabdi, 2009). Misalnya apabila melibatkan konflik antara keluarga atau isu penderaan, maka prosedur yang hanya membenarkan kes ini dikemukakan di mahkamah, atau menjadikan ianya satu kesalahan jenayah, adalah tidak sesuai untuk warga emas. Proses mahkamah dan hukuman jenayah sering membawa stigma negatif kepada masyarakat, menyebabkan warga emas cenderung memilih untuk berdiam diri. Di samping itu, dengan mempunyai undang-undang khusus diharapkan perkhidmatan yang berkualiti dapat disediakan kepada warga emas. Menerusi undang-undang khusus ini juga, advokasi berkenaan dengan warga emas boleh dipertanggungjawabkan kepada pihak-pihak tertentu dengan lebih berkesan. Advokasi adalah komponen penting yang memerlukan sanksi undang-undang bagi memastikan pelaksanaannya dengan lebih baik dan efisien.

ii) Sistem Keselamatan Sosial

Pada tahun 2022, kira-kira 11.1% atau 3.6 juta rakyat Malaysia telah melepasi usia 60 tahun, iaitu umur persaraan bagi kebanyakan rakyat Malaysia (Harian Metro 2022, Julai). Memandangkan jangka hayat purata di Malaysia meningkat kepada 73.4 tahun dari satu dekad yang lalu, adalah penting untuk mengambil langkah proaktif bagi memastikan bahawa mereka mempunyai kehidupan yang selesa semasa bersara. Kepentingan untuk mewujudkan sistem keselamatan sosial dapat dilihat semasa berlakunya wabak Covid-19. Kelemahan yang ada dalam sistem

keselamatan sosial negara telah menyebabkan rakyat terpaksa menggunakan wang simpanan untuk meneruskan hidup sehingga menjejaskan simpanan hari tua mereka. Wabak Covid-19 menjadi pemangkin untuk suatu sistem keselamatan sosial yang lebih mampan dan menyeluruh diperkenalkan. Selain daripada memperkasakan sistem yang sedia ada tumpuan perlu diberikan terutamanya kepada mereka yang tidak dilindungi oleh skim pencen atau KWSP dan juga tidak layak untuk mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan. Pelbagai cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi isu ini, antaranya dengan memperkenalkan *universal pension* (Robert Holzmann 2014) atau *social insurance pension* (Hawati & Puteri Marjan 2023). Antara cadangan yang telah dikemukakan adalah seperti menetapkan umur persaraan yang lebih tinggi berdasarkan jangka hayat yang diunjurkan dan mencari cara untuk melindungi lebih ramai individu yang belum dilindungi sama ada secara mandatori atau sukarela. Selain itu, ada juga yang mencadangkan untuk menilai semula cara pembahagian sumbangan dan menggantikan pendekatan yang ada dengan peruntukan yang lebih sesuai seperti untuk perumahan, pendidikan, dan kesihatan. Tujuan cadangan ini adalah untuk memastikan sistem perlindungan sosial negara lebih adil dan berkesan, serta mampu menangani cabaran ekonomi dan demografi yang semakin rumit.

iii) Penjagaan Warga Emas

Apabila mencapai usia warga emas, suami atau isteri saling menjaga satu sama lain, isu yang akan timbul adalah apabila salah seorang daripada pasangan ini meninggal dunia. Pada kebiasaannya, masyarakat meletakkan tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa warga emas lebih kepada anak-anak perempuan, sementara anak lelaki menyediakan nafkah (Pataporn Sukontamarn et al. 2023). Ketidadaan peruntukan undang-undang berkaitan dengan penjagaan ibu bapa warga emas ini turut menyebabkan tanggungjawab ini tidak dikongsi di kalangan anak-anak tetapi hanya menjadi tanggungjawab anak-anak tertentu sahaja. Mengiktiraf tanggungjawab menjaga ibu bapa warga emas ini sebagai satu tanggungjawab di sisi undang-undang akan membolehkan polisi-polisi lain terutamanya yang berkaitan dengan pekerjaan diperkenalkan bagi membantu anak-anak yang mempunyai tanggungjawab ini untuk berbuat demikian.

KESIMPULAN

Justeru, bagi menangani isu-isu yang melibatkan warga emas, penubuhan kerangka perundangan yang jelas dan menyeluruh adalah amat diperlukan dengan segera. Sungguhpun pada ketika ini terdapat undang-undang yang secara tidak langsung yang boleh dikaitkan dengan warga emas, namun para penulis berpendapat undang-undang khusus ini akan lebih fokus dalam isu-isu berkaitan warga emas. Manakala undang-undang tidak langsung lain boleh menyokong undang-undang khusus yang dicadangkan ini. Ketika ini negara hanya berada 5 tahun di belakang sebelum dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2030. Pada masa yang

sama, inisiatif yang berbentuk advokasi bagi mendidik masyarakat berkenaan isu-isu penuaan ini juga perlu diperhebatkan. Adalah sukar untuk semua tanggungjawab diletakkan di bahu kerajaan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat semata-mata. Sebaliknya ahli keluarga dan komuniti juga boleh membantu kerana mereka adalah kumpulan yang paling dekat dengan warga emas berkenaan.

RUJUKAN

Jurnal

Abdul Hamid, H., & Megat Muzafar, P. M. (2023). Social insurance pension: Saving for retirement collectively. *VIEWS*, 21(23), 1–9. Khazanah Research Institute.

Aman, Z., Liew, S. M., Ramdhan, S. N., Philp, I., & Khoo, E. M. (2020). The impact of caregiving on caregivers of older persons and its associated factors: *A cross-sectional study*. *Singapore Medical Journal*, 61(5), 238–245. <https://doi.org/10.11622/smedj.2019100>

Ayuso, J., et al. (2008). The effects of the introduction of tax incentives on retirement savings. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1084832

Azizi, N. N. H., Syed Azman, S. N. A., Abdul Razak, A. M., & Mohd Soberi, A. (2021, October 15). Persons with disabilities: A comparative study between Malaysia, United Kingdom and Philippines. *International Virtual Colloquium on Multi-disciplinary Research Impact (1st Series), Research Nexus UiTM (ReNeU), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia*.

Holzmann, R. (2014). *Old age financial protection in Malaysia: Challenges and options* (SSRC Working Paper Series No. 2014-3, pp. 1–56). Social Security Research Centre, University of Malaya.

Ismail, Z., Ahmad, W. I. W., Hamjah, S. H., & Astina, I. K. (2021). The impact of population ageing: A review. *Iranian Journal of Public Health*, 50(12), 2451–2460. <https://doi.org/10.18502/ijph.v50i12.7927>

Mafauzy, M. (2000). The problems and challenges of the aging population of Malaysia. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 7(1), 1–3. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3406209/>

Megat S'adan, M. A. Z., Abdullah, M. Y., Ahmad, M. R., Md Ismail, M. A., Hafiz, I., & Yusof, M. F. M. (2024). Malaysia EPF cash withdrawals during MCO according to Sharia perspective. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 379–388.

Morgan, R. (2022). A legal study on maintenance of elderly parents in Malaysia. *University of Malaya Law Review*, 6, 26–47.

Nurfatirahanis Zakri & Alavi, K. (2023). Meneroka cabaran warga emas tinggal bersendirian dan program Exer-Games semasa pandemik COVID-19. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(1), 1–11.

Pataporn Sukontamarn, P., Asadullah, M. N., Photphisutthiphong, N., & Nguyen, Y. T. H. (2023). Happiness in old age: The daughter connection. *Journal of Happiness Studies*, 24, 1729–1757. <https://doi.org/10.1007/s10902-023-00655-1>

Samudin, S. A., et al. (2023). Penderaan dan pengabaian warga emas: Kajian menurut undang-undang di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 8(2), 121–142.

Siti Nur Ain Mohd, Ishak, A. A., & Selvaratnam, D. P. (2021). Ageing population's impact on economic growth in Malaysia from 1981 to 2019: Evidence from an autoregressive distributed lag approach. *Frontiers in Public Health*, 9, 731554. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.731554>

Siti Zaharah Jamaluddin, et al. (2019). Elder abuse and neglect in Malaysia: An overview. In Z. Tahir, et al. (Eds.), *Elder abuse and neglect in selected Asian countries* (pp. 9–30). UM Press.

Siti Zaharah Jamaluddin, Taher, M. A., & Wong, H. S. (2023). Application of mediation in resolving elderly family issues in Malaysia: Lessons from Canada and Australia. *Kajian Malaysia*, 41(1), 62–84. <https://doi.org/10.21315/km2023.41.1.4>

Teh, L. T., et al. (2018). Retirement planning in Malaysia: Issues and challenges to achieve sustainable lifestyle. *The Turkish Online Journal of Design, Art and Communication – TOJDAC*, Special Edition, 1222–1229.

Yi, Y., Liu, J., & Jiang, L. (2023). Does home and community-based services use reduce hospital utilization and hospital expenditure among disabled elders? Evidence from China. *Frontiers in Public Health*, 11, 1266949. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2023.1266949>

Zahir, Z. M. M., Thambapillay, S., Yusoff, J. Z. M., & Abdul Rahman, A. S. (2020). Undang-undang berkenaan dengan orang kurang upaya: Satu analisis perkembangan perundangan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14, 96–114.

Zakaria, Z., Abu, R., Tokiran, N. S. M., Kamaruddin, K., & Yunus, F. M. (2025). Golden years: Revealing the challenges by the elderly in Malaysia. *Revista De Gestão Social E Ambiental*, 19(3), e011350. <https://doi.org/10.24857/rgsa.v19n3-057>

Bab Dalam Buku

Abdul Rahman, N. F., et al. (2019). Protecting the elderly in Malaysia: The way forward. In Z. Tahir, et al. (Eds.), *Elder abuse and neglect in selected Asian countries* (pp. 245–250). Penerbit Universiti Malaya.

Taher, M. A., et al. (2017). In quest of a legal framework addressing elder abuse and neglect in Malaysia: Lessons from the ASEAN and international perspectives. In S. Zaharah (Ed.), *Protecting the elderly against abuse and neglect: Legal and social strategies* (pp. 27–46). Penerbit Universiti Malaya.

Taher, M. A., et al. (2019). Review of laws and policies on protecting the elderly against abuses and neglect: A South Asian perspective. In Z. Tahir, et al. (Eds.), *Elder abuse and neglect in selected Asian countries* (pp. 67–90). Penerbit Universiti Malaya.

Laporan

Asian Development Bank. (n.d.). *Adapting to aging Asia and the Pacific*. <https://www.adb.org/what-we-do/topics/social-development/aging-asia>

ESCAP. (n.d.). *Ageing in the Asian and Pacific region: An overview*. United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP). <https://www.unescap.org/sites/default/files/SDD%20Ageing%20Fact%20Sheet%20Overview.pdf>

UNICEF. (2013). *Profile of children in Malaysia: Implementation of children's rights with equity*. <https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/2Profile.pdf>

United Nations. (n.d.). *United Nations principles for older persons*. United Nations Human Rights Office of the High Commissioner. <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/united-nations-principles-older-persons>

World Health Organization. (n.d.). *Ageing and health*. World Health Organization. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/ageing-and-health>

Prosiding

Azizi, N. N. H., Syed Azman, S. N. A., Abdul Razak, A. M., & Mohd Soberi, A. (2021, October 15). Persons with disabilities: A comparative study between Malaysia, United Kingdom and Philippines. *International Virtual Colloquium on Multi-disciplinary Research Impact* (1st Series), Research Nexus UiTM (ReNeU), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.

Ismail, N. W., Abdul Rahman, S. W., & Tengku Abdul Hamid, T. A. (2015, September 18–20). Does population aging affect economic growth in Malaysia? In *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10 (PERKEM 10), Kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari* (pp. [page numbers if available]). Melaka Bandaraya Bersejarah. http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2015/PERKEM_2015_2C1.pdf

Mokhtar, M., Abdul Rashid, S., & Yusof, Y. (2012). Kesunyian dan hubungan sosial di kalangan warga tua di Semenanjung Malaysia. In *Proceedings of the Konferensi Akademik (KONAKA 2012)* (pp. [page numbers if available]).

Yusoff, J. Z. M. (2009). Jenayah dalam keluarga: Penderaan dan pengabaian warga tua di Malaysia. In *Proceedings of the International Conference on Corporate Law 2009 (ICCL)* (pp. [page numbers if available]). Surabaya, Indonesia.

Suratkhabar Dalam Talian

Astro Awani. (2024, October 11). *6.3 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bawah 55 tahun miliki simpanan kurang RM10,000.*

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/63-juta-ahli-kwsp-bawah-55-tahun-miliki-simpanan-kurang-rm10000-446791>

Bernama. (2023, November 20). *6.3 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bawah 55 tahun miliki simpanan kurang RM10,000*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/63-juta-ahli-kwsp-bawah-55-tahun-miliki-simpanan-kurang-rm10000-446791>

Bernama. (2024, Mac 4). *Singapura akan naikkan usia persaraan, bekerja semula pada 2026*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/singapura-akan-naikkan-usia-persaraan-bekerja-semula-pada-2026-460833>

Harian Metro. (2022, July). *Jangkaan hayat penduduk Malaysia meningkat*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/07/860620/jangkaan-hayat-penduduk-malaysia-meningkat>

Mohd Noor, H. (2018, April 1). *Warga emas hidup sendiri*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/406345/warga-emas-hidup-sendiri>

Kosmo. (2023, July 5). *18 peratus ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ada simpanan asas RM240,000*. <https://www.kosmo.com.my/2023/07/05/18-peratus-ahli-kwsp-ada-simpanan-asas-rm240000/>

Lai, A., & Ibrahim, J. (2023, July 7). *Care more for home-alone elders*. The Star. https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/07/care-more-for-home-alone-elders?gh_jid=5150321003&et_fb_activation_nonce=abb0a7d766

Ooi, K. H., & Ahmad, K. (2022, July 21). *My Say: Time to talk about safeguarding retirement savings*. The Edge. <https://theedgemalaysia.com/article/my-say-time-talk-about-safeguarding-retirement-savings>

Zaitie Katibi. (2017, July 12). *Kian ramai warga tua didera*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/sihat/2017/07/243481/kian-ramai-warga-tua-didera>

Sumber Dalam Talian

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). (2025). *Penderaan kewangan warga emas: Elakkan risiko menjadi mangsa!*

Zulazhar Tahir et al.

<https://www.akpk.org.my/penderaan-kewangan-warga-emas-elakkan-risiko-menjadi-mangsa>

Harun, S. (2017, January 31). *Warga emas terabai*. MyHealth. <http://www.myhealth.gov.my/warga-emas-terabai/>

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (n.d.). *Dasar warga emas negara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=WjFUdFBURTV0Zis0N0NxYm05Qk9XQT09>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Perangkaan demografi, suku keempat 2023*. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/demographic-statistics-fourth-quarter-2023>

United Nations. (n.d.). *Political declaration and Madrid international plan of action on ageing*. United Nations Department of Economic and Social Affairs. <https://www.un.org/esa/socdev/documents/ageing/MIPAA/political-declaration-en.pdf>